

PERKASA: Ambiga 'dajal', mahu diambil tindakan

Malaysiakini.com

November 2, 2011

by Hafiz Yatim

Melabelkan pengerusi BERSIH, Datuk S Ambiga sebagai 'dajal', Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) menuntut tindakan diambil terhadap Ambiga yang didakwa "mempromosi ajaran terlarang dengan menggalakkan homoseksual".

NONEketua Wira Perkasa Irwan Fahmi Ideris mendakwa, bekas presiden Majlis Peguam itu sedang membawa "agama baru" yang bergabung sama dengan hak asasi dan menggalak homoseksual.

Irwan mengulas program Seksualiti Merdeka yang akan dirasmikan oleh Ambiga pada 9 November ini.

"PERKASA menentang program ini kerana homoseksual adalah perbuatan terlarang dan pihak berkuasa perlu mengambil tindakan terhadap program ini.

"Rakyat perlu mengenali Islam sebagai agama rasmi persekutuan. PERKASA tidak mahu melihat aktiviti menghakis Islam dan agama lain.

" (Homoseksualiti) adalah juga dikutuk oleh agama lain. Maka polis dan pejabat peguam negara harus bertindak segera (terhadap Ambiga)

NONE"Ratusan laporan polis telah dibuat terhadap Ambiga, tetapi tiada tindakan diambil. Ia menunjukkan seolah-olah beliau kebal dan kami mahu hal ini dihentikan," katanya ketika dihubungi Malaysiakini petang ini.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan membuat laporan polis di ibu pejabat polis daerah Dang Wangi membantah program Seksualiti Merdeka.

Ketika dihubungi, Ambiga enggan mengulas.